

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan tentang pelaksanaan PLKN 2.0 tahun 2016 dan sebab-sebabnya perlu dilaksanakan program ini:-

- (a) bilangan peserta pada tahun ini serta kos keseluruhan yang akan terlibat untuk tahun 2016 ; dan**

- (b) nyatakan pencapaian yang dijangkakan.**

JAWAPAN:

Pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN 2.0) adalah hasil penambahbaikan yang dirumuskan di dalam Makmal Transformasi PLKN yang melibatkan banyak penambahbaikan, antaranya proses pengambilan pelatih dan penambahbaikan modul yang menggabungkan kemahiran *soft skill* dan *hard skill*. Justeru, PLKN adalah relevan sebagai satu program *Nation Building* dan sesuai dengan keperluan negara kita yang tercinta dan program ini wajar diteruskan.

Bagi pelaksanaan PLKN 2.0 bagi tahun 2016, peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM383.7 juta bagi pengurusan pelatih seramai 20,000 orang. Melalui pelaksanaan PLKN 2.0 ini, pelatih-pelatih akan lebih menghayati nilai-nilai patriotisme, perpaduan kaum dan kesukarelaan serta pembentukan jati diri. Selepas menjalani latihan Fasa 1 selama lapan (8) minggu di dalam Kem PLKN, pelatih akan meneruskan latihan di Fasa 2 di mana mereka akan menjalani latihan dalam bidang kemahiran teknikal di Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) atau Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) untuk tempoh antara 3 bulan hingga 36 bulan bergantung kepada bidang kursus yang dipilih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]

SOALAN :

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta PERDANA MENTERI menyatakan pencapaian TalentCorp bagi menarik modal insan berkemahiran tinggi Malaysia di luar negara untuk kembali berkhidmat untuk negara sejak ia dilaksanakan pada 2011:

- a) berikan dengan detail bilangan dan kepakaran yang dapat kembali berkhidmat dalam negara; dan
- b) adakah juga terdapat bilangan yang besar modal insan berkemahiran tinggi juga keluar dari negara pada masa yang sama, apakah sebabnya boleh jadi begini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) menerajui *Returning Expert Programme* (REP) mulai 2011, beberapa penambahbaikan telah dibuat bagi memastikan kualiti pemohon yang diluluskan adalah selaras dengan keperluan sektor ekonomi utama negara di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) ke arah mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Melalui penambahbaikan pelaksanaan REP sejak 2011, lebih 3,700 modal insan berkemahiran tinggi telah diluluskan untuk pulang ke Malaysia. Ini termasuklah 616 permohonan yang telah diluluskan pada tahun 2015.

Antara pakar yang berjaya diluluskan dan telah kembali untuk berkhidmat di beberapa bidang di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) adalah seperti berikut:

No.	Sektor	Pakar yang Pulang	Jawatan	Syarikat
1.	Minyak & Gas	Iain John Lo	Pengerusi	Shell Malaysia Berhad
2.	Kesihatan	Prof. Dr. John Chan	Pakar Bedah Kardiotorasik	Hospital Umum Sarawak
3.	Kewangan	Foong Pik Yee	Ketua Pegawai Kewangan (CFO)	Hong Leong Bank Berhad
4.	Elektronik	Purushothuman Swaminathan	Timbalan Pengarah Operasi	Flextronics Technology(Penang) Sdn. Bhd.
5.	Perakaunan	Imran Rahim	Pengarah Eksekutif	Ernst & Young
6.	Pembinaan	Norlida Abdul Azmi	Ketua Pegawai Sumber Manusia Kumpulan	UEM Group Berhad

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Laporan Malaysia *Economic Monitor: Brain Drain* yang diterbitkan oleh Bank Dunia pada April tahun 2011, kira-kira satu juta rakyat Malaysia sedang menetap di luar negara, di mana seorang daripada setiap tiga yang bekerja di luar negara berkepakaran tinggi. Namun begitu, laporan tersebut turut mengakui bahawa penghijrahan sedemikian bukan terhad ke Malaysia, malah fenomena penghijrahan ini turut berlaku kepada negara-negara lain memandangkan terdapat *global war for talent*.

Seterusnya, melalui laporan Bank Dunia Jun 2015 bertajuk “*The Effectiveness of the REP & Residence Pass-Talent*” pula, faktor migrasi rakyat Malaysia ke luar negara adalah dari segi aspek mencari peluang pekerjaan. Di samping itu, kekerapan lawatan kembali ke Malaysia sekitar 23.6% iaitu lebih 5 kali setahun dan terus mengekalkan hubungan rangkaian profesional di Malaysia. Dalam pada itu, rakyat Malaysia yang telah kembali berkhidmat dalam negara dengan pengalaman bekerja di luar negara mempunyai kelebihan premium pendapatan selaras dengan pengalaman profesional di luar negara.

Justeru, fenomena migrasi modal insan tidak semestinya negatif tetapi mempunyai potensi positif, khususnya dalam menarik pulang rakyat Malaysia yang berkepakaran tinggi serta membina jaringan kepakaran sebagai saluran untuk mempromosi produk dan perkhidmatan Malaysia di luar negara.

Sekian, terima kasih.